

Pekerja diajak maju negara

BH- 1/5/2007

Permuafakatan dapat galakkan kestabilan, pertumbuhan ekonomi Malaysia: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengajak setiap pekerja di negara ini berusaha mengoptimalkan produktiviti masing-masing bagi membolehkan Malaysia terus bersaing gagah dalam era globalisasi yang semakin mencabar.

Perdana Menteri berkata, Malaysia memerlukan tenaga kerja produktif, berpengetahuan, berkebolehan dan lebih berdaya saing bagi memastikan negara mencapai kemajuan dan pembangunan sosioekonomi lebih mapan.

“Sesungguhnya aspirasi negara untuk menjadi negara maju memerlukan komitmen setiap lapisan masyarakat termasuk pekerja untuk sentiasa bekerja keras dan memper-

kayakan diri dengan sifat dan sikap masyarakat berminda kelas pertama.

“Kita akan berjaya jika kita terus berusaha dengan penuh keazaman dan iltizam untuk membangunkan negara bersama-sama ke arah menjadikan Malaysia yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.

“Kemampuan negara kita untuk bersaing di pasaran global yang semakin mencabar terletak pada kualiti dan tahap produktiviti golongan pekerja negara kita,” katanya dalam perutusan sempena sambutan Hari Pekerja, hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap tema ‘Pekerja Produktif Negara Kompetitif’ yang dipilih untuk sambutan Hari Pekerja tahun ini dapat dihayati pekerja dan majikan ke-

rana selain membawa maksud mendalam, ia boleh dijadikan asas untuk menjadikan setiap pekerjaan dilakukan dengan bersungguh-sungguh.

Abdullah berkata, keperluan untuk pekerja terlatih, berkemahiran dan produktif dalam pelbagai bidang semakin meningkat sejajar peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

Katanya, tenaga mahir juga perlu dilengkapkan dengan jati diri tinggi serta penuh sifat jujur, amanah, berwawasan serta mengutamakan mutu pekerjaan.

“Penekanan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) terhadap pembangunan modal insan khususnya tenaga kerja berpengetahuan dan berdaya saing, adalah peralihan tepat pada masanya kerana Malaysia tidak boleh terus bergantung kepada kos

tenaga buruh yang murah,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berterima kasih kepada semua pekerja, kesatuan sekerja dan majikan kerana memberikan komitmen dan kerjasama selama ini, khususnya dalam mengekalkan persekitaran perhubungan perusahaan yang harmoni.

Beliau berkata, permuafakatan yang baik itu dapat menggalakkan kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara serta menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia.

“Saya ingin menekankan komitmen dan tindakan bersama setiap warga kerja Malaysia adalah perlu bagi memastikan keharmonian masyarakat dan kejayaan pembangunan negara demi menjayakan Misi Nasional.

Sementara itu, dalam perutusan sempena Hari Wesak yang turut di-

sambut hari ini, Perdana Menteri mengajak semua rakyat Malaysia untuk terus memupuk dan memelihara keamanan dan kestabilan yang dinikmati negara sekarang.

Katanya, walaupun usia kemerdekaan negara hanya 50 tahun, Malaysia mencapai banyak kejayaan berbanding negara lain yang seusia hasil perpaduan kaum yang dipupuk selama ini.

“Kejayaan yang kita nikmati hari ini bukanlah suatu kebetulan. Ia tidak datang bergolek tanpa usaha. Ia hasil daripada kesungguhan, kegigihan dan perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama.

“Saya banyak kali menegaskan bahawa kepelbagaian rakyat Malaysia satu keunikan yang memberikan kekuatan untuk kita bersama,” katanya.